

# 90 ikan hiasan cuba diseludup dari Singapura dirampas

Bkt 24/12/23 Mls 18

**Johor Bahru:** Sebanyak 90 ikan hiasan pelbagai spesies bernilai lebih RM2,000 yang cuba diseludup masuk dari Singapura dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Johor, di Tambak Johor, petang kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 3 petang kelmarin itu, kesemua ikan hiasan itu disembunyikan dalam kotak di bahagian belakang sebuah kereta dari Singapura yang mahu memasuki negara ini.

Pengarah MAQIS Johor, Edie Putra Yusof, berkata pihaknya dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas pelbagai spesies ikan hiasan itu di laluan kereta Kompleks CIQ Bangunan Sultan Iskandar (BSI) Tambak Johor, yang cuba diseludup masuk dari Singapura.

"MAQIS Johor dengan kerjasama JKDM menggagalkan cubaan menyeludup masuk 90 ikan hiasan pelbagai spesies itu yang menggunakan sebuah kenderaan persendirian dan meletakkannya di bahagian belakang kenderaan.

"Hasil pemeriksaan lanjut pada kenderaan terbabit oleh pegawai MAQIS dan anggota JKDM telah menemukan sebanyak lima kotak yang membawa pelbagai spesies ikan hiasan yang dianggarkan bernilai lebih RM2,000.

"Antara 90 spesies ikan yang dirampas adalah Bichir sebanyak 30 ekor; Pleco/bandaraya 10 ekor; Corydoras SP 10 ekor dan Denison Barb 40 ekor," katanya dalam kenyataan, semalam.

Edie Putra berkata, perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian tanpa permit import MAQIS adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

Katanya, kesalahan itu boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta yang sama.

"Jika disabit kesalahan, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

**“Hasil pemeriksaan lanjut, anggota JKDM telah menemukan sebanyak lima kotak yang membawa pelbagai spesies ikan hiasan”**

**Edie Putra Yusof,**

**Pengarah**

**MAQIS Johor**

